



**SIARAN AKHBAR  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**PEMBUKAAN AKAUN COVID-19 RELIEF FUND  
DI BANK BAIDURI UNTUK TUJUAN SUMBANGAN**

**Tarikh: 7hb September 2021**

1. Merujuk kepada Siaran Akhbar Kementerian Kewangan dan Ekonomi berkenaan dengan pengaktifan semula *COVID-19 Relief Fund* pada 11hb Ogos 2021 yang lalu, sukacita mengongsikan jumlah terkumpul setakat 3:45 petang pada hari ini adalah sebanyak Dua Juta Satu Ratus Tujuh Puluh Enam Ribu, Lapan Ratus Satu Ringgit dan Tiga Puluh Satu Sen (\$2,176,801.31).
2. Sehubungan dengan itu, sukacita memaklumkan bahawa satu lagi akaun *COVID-19 Relief Fund* telah dibuka dengan Bank Baiduri untuk memberikan opsyen kepada orang ramai dan syarikat-syarikat di negara ini membuat sumbangan secara sukarela selain dari akaun *COVID-19 Relief Fund* yang telah dibuka dengan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dalam membantu pihak Kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan membeli peralatan dan barangan keperluan dalam membendung penularan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.



3. Sumbangan bolehlah dibuat melalui pemindahan terus secara *online* ke dalam akaun Bank Baiduri seperti berikut bermula pada hari ini, 7 haribulan September 2021.

Nama Akaun: COVID-19 Relief Fund  
Jenis Akaun: Current Account  
Nombor Akaun: 00 135 554 583 95

4. Bagi memastikan sumbangan tersebut digunakan selaras dengan penubuhannya, Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Jabatan Perbendaharaan akan mengawal dan mengeluarkan dana tersebut setelah mendapat kebenaran dari saya selaku Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan YB Menteri Kesihatan.

Sekian terima kasih.

Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Negara Brunei Darussalam